

Ketidakstabilan harga di pasaran saham

Tiada manipulasi: PM

Oleh Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keadaan tidak menentu di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sekarang kerana pelabur lebih berminat berurusan berdasarkan khabar angin dan kenyataan tertentu.

Sambil menegaskan kerajaan tidak terbabit dalam memanipulasi harga saham di BSKL, Perdana Menteri menasihatkan pelabur membeli saham syarikat yang berprestasi baik dan memperolehi keuntungan.

"Kerajaan tidak terbabit dalam pasaran saham. Kerajaan tidak mempengaruhi pasaran," katanya ketika ditanya mengenai keadaan harga saham di BSKL yang tidak menentu dikatakan ada kaitan dengan campur tangan kerajaan.

Bagaimanapun, katanya, apabila ada pihak cuba 'bermain' dengan nilai ringgit untuk menjatuh atau menaikkan nilai dan membuat untung segera, kerajaan sentiasa mengawasi dan meneliti perkara itu.

"Jika ia terlalu mudah memaksa nilai ringgit melambung dan tiba-tiba menjunam, ramai orang akan kecewa. Apabila perkara seumpama itu berlaku, kerajaan terpaksa menstabilkan semula keadaan, jika tidak, kita tidak campur tangan. Itu bukan niat kerajaan untuk campur tangan," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian selepas merasmikan Mesyuarat Saintifik Persatuan Asia Pasifik Mengenai Kajian Hati Ke-9 di sini, hari ini.

Katanya, prestasi syarikat di negara ini sesetengahnya lebih baik berbanding syarikat gergasi di dunia.

Sebagai contoh, katanya, Malayan Banking Berhad mendapat hampir RM1 bilion bagi tempoh enam bulan pertama tahun lalu.

"Jumlah itu hampir sama dengan pendapatan atau keuntungan sebuah syarikat terbesar di Amerika Syarikat yang mempunyai modal lebih banyak berbanding syarikat di negara ini.

"Jelaslah syarikat-syarikat di negara ini mampu melakukan sesuatu yang lebih baik tetapi pelabur terus berminat melabur berdasarkan khabar angin. Kadangkala pelaburan mereka berdasarkan sesuatu kejadian di negara lain.

"Jika mereka melabur dengan cara yang betul, pasaran akan stabil dan pelabur tidak akan rugi.

"Tetapi jika mereka terus membuat spekulasi berlebihan, kita harus menjangka keuntungan dan kerugian pada sesuatu masa.

"Inilah kesan spekulasi. Tetapi jika pelabur melabur berdasarkan prestasi syarikat, kita boleh menentukan arah alirannya dan kita tidak akan mengalami kerugian.

"Pasaran juga tidak harus jatuh tanpa sebab yang kukuh kerana seseorang membuat kenyataan," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan tindakan kerajaan menstabilkan semula nilai ringgit bertujuan untuk melihat negara ini makmur dan kerajaan bekerja keras untuk menjadikan negara ini makmur.

"Tidak ada gunanya kerajaan menja-

Tiada manipulasi saham

DARI MUKA 1

dikan rakyat miskin atau memperolehi pula keuntungan. membuat mereka menjadi bankrap.

"Sebab sama ada mereka itu individu atau syarikat, perkara itu tetap merugikan negara.

"Kerajaan tidak mendapat apa-apa apabila rakyat mengalami kerugian tetapi kerajaan akan mendapat sesuatu jika mereka

Ditanya mengenai kejatuhan saham kononnya bertujuan membolehkan kerajaan membiayai kos pilihan raya Sabah, Dr Mahathir berkata:

"Saya tidak fikir begitu. Malah untuk membiayai pilihan raya Sabah ialah membuat rakyat kaya, kemudian mereka boleh bantu kita dan menyum-

bang kepada tabung kita."

Mengenai keperluan menguatkuasakan langkah tertentu bagi membendung manipulasi di BSKL, Perdana Menteri berkata:

"Ya sangat sukar. Kita tidak mahu campur tangan kerana pasaran saham harus berfungsi di atas kemampuan sendiri."